

## Nota lanjut

Kami telah cuba untuk memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan maklumat terkini dalam risalah ini pada bukti dan pendapat perubatan semasa. Walau bagaimanapun, maklumat dan nasihat mungkin berbeza-beza dari sumber-sumber yang berbeza mengikut masa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila berjumpa dengan doktor anda atau penasihat kesihatan anda.

## Lokasi Kami



### Klinik DSC

31 Kelantan Lane #01-16 S(200031)

#### Perkhidmatan Bas

23, 64, 65, 66, 67, 130, 139, 147, 147A, 857

#### Stesen MRT terdekat

Bugis (EWL/ DTL)  
Farrer Park (NEL)  
Jalan Besar (DTL)  
Lavender (EWL)  
Rochor (DTL)

HIV / STI maklumat berekod  
6295 2944

HIV / STI Hotline  
1800 - 2521324 (Pada waktu pejabat)

### Buat temujanji bersama kami

Hubungi pusat temujanji di talian 6293 9648  
atau email di [apptdsc@nsc.com.sg](mailto:apptdsc@nsc.com.sg)

UNTUK MENGETAHUI INFORMASI KLINIK LEBIH LANJUT SILA LAWATI [WWW.DSC-CLINIC.SG](http://WWW.DSC-CLINIC.SG)  
ATAU DI FACEBOOK KAMI DI [WWW.FACEBOOK.COM/DSCSG](http://WWW.FACEBOOK.COM/DSCSG)

## HEPATITIS B HEPATITIS B (Malay)

## Apa itu Hepatitis B?

Ia adalah jangkitan virus dalam darah dan hati, menyebabkan radang hati (bengkak) dan penyakit hati jangka panjang.

## Bagaimana Hepatitis B boleh dijangkiti?

- Hubungan seks tanpa perlindungan dengan orang yang dijangkiti (faraj, dubur dan yang kurang lazim, seks oral).
- Menerima produk darah tercemar.
- Perkongsian jarum yang tercemar.
- Ibu yang sudah dijangkiti kepada anak (semasa kelahiran anak).
- Berkongsi barang-barang peribadi seperti pencukur dan berus gigi di mana mungkin ada pencemaran darah.

## Apakah tanda-tanda dan gejala-gejala?

- Demam yang ringan
- Sakit perut
- Air kencing berwarna gelap dan kekuningan pada kulit (jaundis) dan mata
- Hilang selera makan, loya dan muntah-muntah
- keradangan hati yang mengancam nyawa (jarang berlaku)

Ramai individu yang dijangkiti tidak menunjukkan apa-apa tanda dan mungkin tidak menyedari jangkitan sehingga mereka diuji.

## Bilakah tanda-tanda dan gejala-gejala muncul?

1 hingga 6 bulan selepas terdedah kepada jangkitan.

## Siapakah yang harus periksa?

Sesiapa yang belum pernah diberi vaksin atau diuji untuk kekebalan (perlindungan) perlu lakukan ujian dan vaksinasi, terutamanya jika:

- Anda mempunyai seks tanpa perlindungan dengan pasangan kasual atau pekerja seks, atau menerima wang untuk seks.
- Anda pernah tertusuk jarum atau pernah menyuntik dadah rekreasi.
- Pasangan seks anda atau seseorang dalam keluarga anda mempunyai hepatitis B.
- Anda seorang lelaki dan mempunyai hubungan seks dengan lelaki.
- Anda positif HIV.

## Bagaimana Hepatitis B didiagnosis?

Ujian darah dijalankan untuk mencari:

- Sebahagian daripada virus dalam darah atau
- Antibodi yang dihasilkan badan selepas pendedahan atau vaksinasi

## Bolehkah Hepatitis B dirawat?

Terdapat ubat yang boleh membantu pesakit untuk mengubati jangkitan. Anda perlu mendapatkan nasihat daripada doktor.

## Bolehkah Hepatitis B menyebabkan masalah lain?

Kebanyakan orang dapat membersihkan virus dari tubuh dan berangsur pulih selepas jangkitan Hepatitis B.

Walau bagaimanapun, sesetengah orang tidak dapat melawan virus dan akan menjadi pembawa jangka panjang, yang mempunyai risiko tinggi untuk mendapat kanser hati atau kegagalan hati.

## Hepatitis B ketika hamil

Wanita hamil perlu memaklumkan kepada doktor perbidanan mereka supaya langkah berjaga-jaga yang boleh diambil untuk mencegah menjangkiti bayi yang baru lahir.

## Nota Penting

- Vaksinasi adalah disyorkan jika anda tidak kebal sama ada melalui suntikan atau jangkitan masa lalu yang telah pulih. Vaksinasi ini melibatkan 3 dos yang diberikan dalam tempoh 6 bulan dan menyediakan > 95% perlindungan jangka panjang.
- Gunakan kondom semasa hubungan seks untuk mencegah menjangkiti orang lain atau mendapat jangkitan daripada pasangan yang telah dijangkiti.
- Jika anda adalah pembawa, lakukan pemeriksaan secara tetap dengan doktor anda untuk menilai fungsi hati anda dan untuk mengesan sebarang perubahan awal yang berkait dengan kanser.
- Maklumkan kepada doktor dan doktor gigi anda jika anda adalah pembawa supaya langkah berjaga-jaga boleh diambil semasa prosedur.

## Mengamalkan seks selamat

- Seks tanpa pertukaran cecair badan (lelehan faraj atau air mazi dan air mani) dengan menggunakan kondom.
- Penggunaan kondom dengan betul dan setiap kali anda melakukan hubungan seks.
- Elakkan minum alkohol yang berlebihan sebelum atau semasa hubungan seks, kerana ini boleh menjejaskan pertimbangan anda.